



Semua Pejabat Daerah dan Tanah,
Semua Pihak Berkuasa Tempatan,
Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Selangor,
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor,
Cawangan Pengurusan Strategik, PSUK.

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN
BILANGAN 1 TAHUN 2023**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PROJEK SELANGOR PENYAYANG TAHUN 2023**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai Garis Panduan Pelaksanaan Projek Selangor Penyayang Tahun 2023 yang dibiayai menerusi peruntukan khas Kerajaan Negeri.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke-1/2023 yang bersidang pada 11 Januari 2023 dan disahkan dalam MMKN Ke-2/2023 pada 18 Januari 2023 telah

menimbang dan meluluskan pelaksanaan Projek Selangor Penyayang (PSP) Tahun 2023.

- 2.2 Inisiatif PSP Tahun 2023 adalah kesinambungan daripada PSP Tahun 2022 yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri pada September 2022. Bagi Tahun 2023 ini, peruntukan sebanyak RM1,000,000.00 disediakan menerusi Vot P01 dan Tabung Amanah Caruman Parit.
- 2.3 Sebanyak 56 kawasan Dewan Negeri Selangor terlibat dalam pelaksanaan PSP Tahun 2023 dan keutamaan projek ialah projek berimpak tinggi yang memberikan impak langsung kepada masyarakat/komuniti setempat.
- 2.4 Bagi meningkatkan imej PSP dan memberi nilai tambah kepada perkhidmatan serta sumbangan kepada masyarakat/komuniti setempat, skop projek bagi PSP Tahun 2023 telah diperluaskan dengan skop baharu iaitu **bina baharu** dan pembelian/pemasangan kelengkapan secara *one-off* untuk bangunan/kemudahan awam di mana Kerajaan Negeri.

3. GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROJEK SELANGOR PENYAYANG TAHUN 2023

- 3.1 PSP Tahun 2023 ini akan dilaksanakan di 56 kawasan Dewan Negeri Selangor dan **permohonan projek** mengikut Dewan Negeri akan diselaraskan oleh Jawatankuasa Projek Selangor Penyayang Peringkat Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Fungsi Jawatankuasa ini ialah untuk

menerima, menyaring dan mengesyorkan kelulusan projek di peringkat daerah sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Induk PSP Peringkat Negeri.

3.2 Kriteria, skop projek serta kaedah pelaksanaan PSP Tahun 2023 ini adalah diperincikan menerusi Garis Panduan Pelaksanaan Projek Selangor Penyayang Tahun 2023 seperti di **Lampiran 1**. Semua agensi pelaksana PSP Tahun 2023 adalah dikehendaki mematuhi sepenuhnya garis panduan yang ditetapkan menerusi SPP ini. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tindakan sewajarnya akan diambil dan pegawai yang bertanggungjawab boleh dikenakan tindakan surcaj.

3.3 Adalah diingatkan bahawa setiap agensi pelaksana PSP bertanggungjawab untuk menyimpan dan menyelenggara rekod pelaksanaan projek dengan baik serta membuat perancangan awal pelaksanaan projek bagi memastikan projek disiapkan dan bayaran dapat diselesaikan dalam tahun kewangan semasa.


4. KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ia ditandatangani.

Sekian, terima kasih.

**“ SELANGOR MAJU BERSAMA ”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,


(DR. AHMAD FADZLI BIN AHMAD TAJUDDIN) S.M.S, P.C.M, A.M.P.
Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan

Tarikh: 20 Februari 2023

Salinan kepada:

- i. YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- ii. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)